



Nota Pintar

Kata ganti nama diri digunakan untuk menggantikan nama seseorang. Kata ganti nama diri terbahagi kepada tiga, iaitu:

Pertama		Kedua		Ketiga	
• saya	• kami	• awak	• kamu	• ia	• mereka
• aku	• kita	• anda	• engkau	• dia	• beliau

Contoh: Adik suka mengumpul setem.

1. **Saya** suka mengumpul setem. Pertama
2. **Awak** suka mengumpul setem. Kedua
3. **Dia** suka mengumpul setem. Ketiga



Betul atau Salah?


SP : 5.1.1 (iii)

Tulis BETUL bagi ayat yang menggunakan kata ganti nama diri dengan betul dan SALAH bagi ayat yang salah.

- 1 Saya tidak hadir ke latihan sukan semalam.
- 2 Kita haruslah patuh akan nasihat orang tua.
- 3 "Saya akan berangkat esok," titah Sultan Iskandar.
- 4 Encik Ahmad seorang guru. Beliau bertugas di Sekolah Kebangsaan Seri Alam.
- 5 "Kami akan berjumpa dengan Cikgu Ani," kata Mia kepada Lina.

**Pilih kata ganti nama diri yang betul.**

- 1 (Kita / Kami) hendaklah hormat akan ibu bapa.
- 2 (Dia / Beliau) merupakan ketua kampung yang berwibawa.
- 3 Jamil dan Kamil ialah kembar seiras. (Kami / Mereka) belajar dalam kelas yang sama.
- 4 Kanak-kanak itu bermain di taman permainan. (Dia / Mereka) bermain dengan gembira.
- 5 "Cikgu berharap (kamu / kalian) akan belajar dengan bersungguh-sungguh," kata Cikgu Lee kepada murid-muridnya.

**Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul.**

- 1 _____ ialah guru kelas Tahun Dua Bijak.
- 2 _____ membantu kakak membuat kek lobak.
- 3 _____ didenda kerana tidak menyiapkan kerja sekolah.
- 4 "_____ akan melawat ke Taman Negara," kata Mimi dan Sara.
- 5 "Mengapakah _____ pulang lewat ke rumah?" tanya ibu kepada Alina.
- 6 _____ bertiga akan mewakili sekolah dalam pertandingan bercerita.